



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



FAKTOR PERAMAL TERHADAP NIAT UNTUK BERHENTI SEKOLAH

THE PREDICTIVE FACTORS OF INTENTION TO SCHOOL DROPOUT

Mohd Fairuz Jafar^{1*}, Nazmin Abdullah², Nor Asikhin Ishak³, Intan Farhana Mohd Saberi⁴, Mohd Affizan Safiee⁵

¹ Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia
Email: mohd.fairuz.jafar@uum.edu.my

² Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia
Email: nazmin@uum.edu.my

³ Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia
Email: nor.asikhin.ishak@uum.edu.my

⁴ Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia
Email: intanfarhanamohdsaberi@gmail.com

⁵ Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia
Email: fizan.affizan@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 02.10.2024

Revised date: 13.10.2024

Accepted date: 11.11.2024

Published date: 05.12.2024

To cite this document:

Jafar, M. F., Abdullah, N., Ishak, N. A., Saberi, I. F. M., & Safiee, M. A. (2024). Faktor Peramal Terhadap Niat Untuk Berhenti Sekolah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (56), 146-165.

DOI: 10.35631/IJEPC.956010

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Keciciran murid telah menjadi isu kritikal yang menarik perhatian global, dengan implikasi yang mendalam terhadap pembangunan sosial dan ekonomi sesebuah negara pada masa depan. Sekiranya isu ini tidak ditangani dengan berkesan, ia boleh mencetuskan kesan jangka panjang yang negatif. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor peramal utama seperti tujuan hidup, minat terhadap pembelajaran, dan efikasi sendiri akademik dalam mempengaruhi niat murid untuk berhenti sekolah. Pendekatan kuantitatif sepenuhnya digunakan untuk menguji hipotesis yang dirumuskan. Seramai 386 orang murid tingkatan empat telah dipilih sebagai sampel kajian, menggunakan teknik pensampelan kelompok dan rawak mudah. Empat instrumen yang telah diadaptasi telah digunakan, iaitu *General Self-Efficacy Scale*, *Prospective Life Course Questionnaire*, *Academic Motivation Scale*, dan *Intention to Leave Instrument*. Analisis data dilakukan menggunakan perisian IBM *Statistics* versi 29, bagi analisis statistik deskriptif dan inferensi iaitu ujian t sampel bebas serta regresi berganda untuk menjawab persoalan kajian. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dalam niat berhenti sekolah, tujuan hidup, efikasi sendiri akademik, dan minat terhadap pembelajaran berdasarkan jantina. Kajian ini juga mendapati bahawa 22% varians dalam pemboleh ubah peramal menyumbang secara signifikan kepada niat untuk berhenti sekolah. Penemuan

kajian ini memberikan sumbangan penting dalam bidang psikologi pendidikan, khususnya dalam merangka strategi intervensi yang lebih efektif untuk mengurangkan kadar keciciran murid di sekolah.

Kata Kunci:

Efikasi, Keciciran, Niat, Pendidikan, Psikologi

Abstract:

Student dropout has become a critical issue that has garnered global attention, with profound implications for the social and economic development of a nation in the future. If not effectively addressed, this issue can lead to long-term negative consequences. This study aims to identify key predictor factors such as life purpose, interest in learning, and academic self-efficacy in influencing students' intention to drop out of school. A fully quantitative approach was employed to test the formulated hypotheses. A total of 386 fourth-year secondary school students were selected as the study sample, using cluster and simple random sampling techniques. Four adapted instruments were used, namely the General Self-Efficacy Scale, the Prospective Life Course Questionnaire, the Academic Motivation Scale, and the Intention to Leave Instrument. Data analysis was conducted using IBM Statistics version 29 for descriptive and inferential statistical analyses, including independent sample t-tests and multiple regression, to address the research questions. The findings revealed significant differences in dropout intention, purpose in life, academic self-efficacy, and interest in learning based on gender. Additionally, the study found that 22% of the variance in predictor variables significantly contributed to students' intention to drop out. These findings provide valuable insights into the field of educational psychology, particularly in developing more effective intervention strategies to reduce the rate of student dropout in schools.

Keywords:

Efficacy, Dropout, Intention, Education, Psychology

Pengenalan

Keciciran murid merupakan satu isu yang menjadi perhatian di seluruh dunia. Keciciran murid yang tidak ditangani akan memberi implikasi negatif kepada ekonomi dan sosial sesebuah negara pada masa depan. Kementerian Pendidikan Malaysia (2020) melaporkan bahawa berlaku penurunan kadar peratusan kemasukan ke sekolah sebanyak 2.2 peratus pada peringkat prasekolah, 0.5 peratus pada peringkat Menengah Rendah dan 1.2 peratus pada peringkat Menengah Atas pada tahun 2020. Manakala, berdasarkan data yang dikumpul Kementerian Pendidikan Malaysia (2021), bermula daripada Mac 2020 sehingga Julai 2021 seramai 21, 316 orang pelajar berhenti sekolah telah dikenalpasti. Fenomena keciciran atau berhenti sekolah bukan lagi satu perkara baru dalam dunia pendidikan kini. Menurut Subra et.al. (2019), isu keciciran atau berhenti sekolah telah dibincangkan bermula sejak tahun 1960 sehingga dibentangkan Laporan Murad 1972. Namun, isu keciciran ini sekolah ini dilihat semakin serius.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) telah mengambil inisiatif penting dengan memperkenalkan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir (GPMBC) untuk membantu pihak sekolah menangani masalah keciciran murid. Walaupun langkah ini merupakan usaha

yang baik, statistik dari United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) pada tahun 2022 menunjukkan bahawa seramai 244 juta kanak-kanak dan belia di seluruh dunia, berumur antara 6 hingga 18 tahun, masih tidak bersekolah pada awal tahun tersebut. Data ini menandakan bahawa keciciran merupakan isu global yang terus membimbangkan, termasuk di Malaysia.

Dalam konteks psikologi pendidikan, Zhou (2023) menyatakan bahawa niat untuk berhenti sekolah adalah satu keadaan psikologi di mana pelajar mempunyai keinginan untuk meninggalkan pembelajaran, walaupun mereka belum melaksanakan tindakan tersebut. Banyak kajian terdahulu seperti yang dilakukan oleh Othman et al. (2021) dan Rabgay (2022), mendapati bahawa faktor luaran seperti masalah kewangan, kesihatan, keluarga, disiplin, dan kekurangan minat terhadap pembelajaran merupakan penyebab utama keciciran. Namun, fokus yang terlalu tertumpu pada faktor luaran sahaja tidak mencukupi untuk memahami fenomena keciciran ini secara menyeluruh. Kajian Zakaria et al. (2022) menambah bahawa faktor sosioekonomi, personaliti pelajar, dan pengaruh persekitaran seperti budaya, rakan sebaya, serta gaya pengajaran guru turut menyumbang kepada masalah ini. Walau bagaimanapun, kajian yang mendalam mengenai faktor dalaman pelajar, seperti minat terhadap pembelajaran, efikasi sendiri akademik, dan tujuan hidup, masih kurang diterokai. Faktor-faktor dalaman ini berpotensi memberikan perspektif yang lebih kritikal dalam memahami mengapa pelajar cenderung untuk meninggalkan persekolahan.

Minat pelajar terhadap pembelajaran sering dikaitkan dengan niat untuk berhenti sekolah. Berdasarkan teori jangkaan-nilai yang dikemukakan oleh Wild et al. (2022), minat terhadap pembelajaran dianggap sebagai nilai intrinsik yang dapat mempengaruhi tahap penglibatan dan pencapaian pelajar. Pelajar yang tidak berminat dengan pembelajaran mungkin kurang terlibat, yang seterusnya boleh meningkatkan keinginan mereka untuk berhenti sekolah. Efikasi sendiri akademik pula merupakan faktor dalaman yang telah dikaji secara meluas dalam bidang psikologi pendidikan. Menurut Zhou (2023), pelajar yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi lebih cenderung untuk menikmati cabaran dalam pembelajaran dan menunjukkan daya tahan yang lebih kuat. Sebaliknya, pelajar dengan tahap efikasi sendiri yang rendah lebih mudah berasa putus asa apabila berhadapan dengan kesukaran, yang akhirnya boleh menyebabkan mereka membuat keputusan untuk berhenti sekolah (Lihua & Yuanyue, 2021).

Tujuan hidup turut diakui sebagai elemen penting yang mempengaruhi niat pelajar untuk meneruskan atau meninggalkan persekolahan. Zulliana Hasan et al. (2021) dan Santrock (2018) menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai matlamat hidup yang jelas dan tujuan yang teguh cenderung untuk lebih gigih dalam usaha pembelajaran mereka. Tujuan hidup berfungsi sebagai pemacu motivasi pelajar untuk mencapai kejayaan akademik, manakala ketiadaan tujuan hidup yang jelas boleh menyebabkan pelajar mudah berasa hilang arah dan terdorong untuk berhenti sekolah. Oleh itu, kajian yang mendalam mengenai pengaruh minat, efikasi sendiri, dan tujuan hidup terhadap niat untuk berhenti sekolah adalah sangat diperlukan. Penerokaan aspek-aspek ini bukan sahaja dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang psikologi pelajar, tetapi juga berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan strategi intervensi yang lebih berkesan dalam menangani isu keciciran murid di sekolah.

Sorotan Kajian Lepas

Niat Berhenti Sekolah

Kajian tentang fenomena berhenti sekolah telah lama menjadi perhatian dalam dunia pendidikan, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di peringkat global. Menurut Subra et al. (2019), isu ini telah dibincangkan seawal tahun 1927 dan menjadi tumpuan dalam Pembentangan Laporan Murad pada tahun 1972. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan untuk menangani masalah ini, kadar berhenti sekolah dalam kalangan pelajar di Malaysia masih tinggi sehingga hari ini. Data Kementerian Pendidikan Malaysia (2021) menunjukkan seramai 21,316 pelajar telah berhenti sekolah antara Mac 2020 hingga Julai 2021, membuktikan bahawa isu ini semakin membimbangkan (Zakaria et al., 2022).

Isu berhenti sekolah bukan sahaja menjejaskan sistem pendidikan, malah turut menyumbang kepada peningkatan gejala sosial dalam kalangan remaja. Akmal (2022) menyatakan bahawa peningkatan kadar berhenti sekolah menyumbang kepada pelbagai masalah sosial seperti jenayah, penyalahgunaan dadah, dan masalah disiplin yang semakin berleluasa. Subra et al. (2019) pula mendapati bahawa pelajar yang mempunyai niat untuk berhenti sekolah sering menunjukkan tanda-tanda awal seperti ponteng sekolah, penurunan prestasi akademik, dan penglibatan dalam aktiviti sosial yang negatif. Tingkah laku ini bukan sahaja menjejaskan individu pelajar tetapi juga memberi kesan kepada modal insan negara, seterusnya mengurangkan kualiti sumber manusia dan daya saing negara dalam pasaran global (Zakaria et al., 2022).

Kajian terdahulu telah mengenal pasti pelbagai faktor yang menyumbang kepada niat untuk berhenti sekolah. Faktor-faktor ini termasuk pengaruh sosio-ekonomi, prestasi akademik, dinamik keluarga, dan aspirasi peribadi. Kajian Subra et al. (2019) yang melibatkan lima orang pelajar dari komuniti B40 menunjukkan bahawa keadaan sosio-ekonomi keluarga yang rendah, ditambah dengan kurangnya komitmen ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak, menjadi faktor utama yang mendorong pelajar untuk berhenti sekolah. Kajian ini selari dengan dapatan Nurmalitasari et al. (2023), yang menyatakan bahawa faktor ekonomi, prestasi akademik, dan kepuasan pelajar terhadap pengalaman pembelajaran mereka memainkan peranan penting dalam menentukan niat pelajar untuk meneruskan atau meninggalkan persekolahan.

Penemuan ini turut disokong oleh kajian antarabangsa seperti yang dilakukan oleh Roman et al. (2022) terhadap pelajar Gred 9 dan 11 di Western Cape, Afrika Selatan, yang mendapati bahawa faktor sosio-ekonomi dan keluarga menjadi pengaruh utama terhadap niat pelajar untuk berhenti sekolah. Kajian Shah et al. (2019) dan Jasni et al. (2022) juga menyatakan bahawa dinamika keluarga, terutamanya dalam aspek sokongan emosi dan motivasi, memainkan peranan penting dalam keputusan pelajar untuk meneruskan pendidikan mereka. Jelas bahawa persekitaran keluarga dan keadaan ekonomi memberi impak yang besar terhadap keputusan pelajar untuk terus berada dalam sistem pendidikan.

Oleh itu, adalah jelas bahawa fenomena berhenti sekolah merupakan masalah yang kompleks dan memerlukan pendekatan yang holistik untuk ditangani. Kajian-kajian terdahulu memberikan gambaran yang jelas bahawa pengaruh sosio-ekonomi, keluarga, dan prestasi akademik merupakan faktor utama yang menyumbang kepada niat pelajar untuk berhenti sekolah. Namun, terdapat keperluan mendesak untuk kajian yang lebih mendalam, terutama dalam memahami faktor dalaman seperti motivasi diri, minat terhadap pembelajaran, dan efikasi sendiri, yang turut memainkan peranan penting dalam keputusan pelajar untuk kekal

atau berhenti sekolah. Penyelidikan yang lebih mendalam tentang faktor-faktor ini akan memberikan pandangan yang lebih komprehensif dan membantu dalam merangka strategi yang lebih berkesan untuk menangani isu keciciran di sekolah.

Minat Terhadap Pembelajaran

Kajian mengenai minat terhadap pembelajaran telah menunjukkan bahawa faktor ini memainkan peranan penting dalam menggerakkan semangat dan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Zhou (2023) menegaskan bahawa minat terhadap pembelajaran bukan sahaja merangsang keinginan untuk belajar tetapi juga meningkatkan kebolehan individu dalam memahami sesuatu subjek. Wild et al. (2023) menyokong pandangan ini dengan menyatakan bahawa minat terhadap subjek atau pembelajaran merupakan nilai intrinsik yang mempengaruhi niat pelajar untuk berhenti sekolah. Nilai intrinsik ini, menurut Schnettler et al. (2020) dan Benden & Lauermann (2021), adalah faktor yang penting dalam membentuk komitmen pelajar terhadap pendidikan dan menghalang mereka daripada kecenderungan untuk berhenti sekolah.

Dapatan kajian Osman dan Hamzah (2020) pula mendapati bahawa ketiadaan minat terhadap pembelajaran mendorong pelajar untuk terlibat dalam salah laku yang berkaitan dengan sekolah. Truta (2018) menambah bahawa apabila pelajar kurang berminat terhadap sesuatu subjek, mereka cenderung berasa tidak bermotivasi untuk terlibat dalam pembelajaran, dan ini seterusnya mengurangkan penglibatan mereka dalam aktiviti pembelajaran, sehingga mencetuskan niat untuk berhenti sekolah (Zhou, 2023). Faktor ini menunjukkan betapa pentingnya minat sebagai satu daya penggerak dalam mengekalkan pelajar di dalam sistem persekolahan.

Walaupun bagaimanapun, kajian tempatan mengenai minat terhadap pembelajaran sebagai faktor yang menyumbang kepada niat berhenti sekolah masih terhad. Sebagai contoh, kajian Subra et al. (2019) menekankan bahawa faktor sosioekonomi keluarga merupakan punca utama keciciran, manakala kajian oleh Norziah Othman et al. (2021) menyimpulkan bahawa faktor ketiadaan minat terhadap pembelajaran turut menyumbang kepada masalah ini. Kajian Zakaria et al. (2022) pula menekankan peranan aspek personaliti sebagai faktor pencetus niat berhenti sekolah. Walaupun dapatan kajian-kajian ini memberikan gambaran awal mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi niat berhenti sekolah, kebanyakan kajian tersebut bersifat kualitatif dan menggunakan kaedah tinjauan, temu bual, pemerhatian, dan dokumentasi yang tidak sepenuhnya menggambarkan situasi sebenar populasi pelajar.

Lebih penting lagi, kajian antarabangsa seperti yang dilakukan oleh Zaenol et al. (2021), Wild et al. (2023), dan Zhou et al. (2023) yang menyelidik pengaruh minat terhadap pendidikan, terutamanya di peringkat pendidikan tinggi, memberikan perspektif yang mungkin tidak sepenuhnya relevan dengan konteks pendidikan di Malaysia. Perbezaan budaya, sistem pendidikan, dan latar belakang sosioekonomi antara negara-negara ini memerlukan kajian yang lebih spesifik dan mendalam dalam konteks tempatan. Pengaruh minat terhadap niat berhenti sekolah di kalangan pelajar peringkat persekolahan di Malaysia masih kurang diterokai secara menyeluruh.

Kajian mengenai konstruk minat terhadap pembelajaran menunjukkan bahawa minat memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kesediaan pelajar untuk kekal di sekolah. Minat terhadap pembelajaran dapat meningkatkan keterlibatan pelajar dalam aktiviti akademik dan membantu mereka mengatasi cabaran yang dihadapi semasa proses pembelajaran (Eccles

& Wigfield, 2020). Menurut Hidi dan Renninger (2021), minat yang mendalam dalam subjek tertentu bukan sahaja memperkaya pengalaman pembelajaran tetapi juga membina motivasi intrinsik yang mendorong pelajar untuk terus belajar dan kekal di sekolah. Selain itu, kajian oleh Hwang dan Matsumoto (2022) mendapati bahawa pelajar yang menunjukkan minat tinggi dalam mata pelajaran tertentu, seperti matematik dan sains, lebih cenderung untuk mempunyai komitmen jangka panjang terhadap pendidikan mereka. Dalam konteks yang lebih spesifik, Fan dan Cheung (2023) menunjukkan bahawa minat terhadap pembelajaran yang dikaitkan dengan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dapat membantu pelajar merasakan kepentingan pendidikan dalam kehidupan mereka dan seterusnya meningkatkan kesediaan mereka untuk meneruskan pengajian. Kajian-kajian ini mencadangkan bahawa minat terhadap pembelajaran adalah faktor penting yang perlu diberi perhatian oleh guru dan sekolah dalam usaha menggalakkan pelajar untuk kekal berada di sekolah, khususnya bagi pelajar yang berisiko tercicir (Jafar et.al, 2022; Jafar et.al, 2021).

Walaupun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa minat merupakan faktor kritikal yang mempengaruhi penglibatan sepenuhnya seseorang dalam sesuatu bidang pembelajaran. Seperti yang dinyatakan oleh Asnawati Matondang (2018), minat dapat mencetuskan rasa ingin tahu, keghairahan untuk belajar, serta rasa kepentingan terhadap sesuatu subjek. Oleh itu, adalah penting untuk kajian masa hadapan di Malaysia memberikan tumpuan yang lebih mendalam terhadap pengaruh minat ini dalam konteks pendidikan tempatan, bagi merangka strategi yang lebih berkesan dalam mengatasi isu niat berhenti sekolah dan menggalakkan pelajar untuk terus melibatkan diri dalam sistem pendidikan.

Tujuan Hidup

Kajian Kirk (2018) menunjukkan bahawa perasaan kepunyaan dan mempunyai tujuan hidup memainkan peranan penting dalam keputusan pelajar untuk kekal sehingga tamat pengajian. Faktor ini menggariskan kepentingan emosi dan psikologi dalam memastikan pelajar terlibat sepenuhnya dalam proses pembelajaran dan tidak mengambil keputusan untuk berhenti sekolah. Perasaan bahawa seseorang itu mempunyai tujuan dalam hidup bukan sahaja memberikan motivasi dalaman tetapi juga membantu mereka mengatasi cabaran yang dihadapi semasa pengajian. Dapatan Bardach et al. (2019) menyokong pandangan ini dengan menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif antara tujuan hidup individu dan niat untuk berhenti belajar. Ini bermakna, semakin jelas tujuan hidup yang dimiliki oleh pelajar, semakin rendah kecenderungan mereka untuk meninggalkan pengajian. Tujuan hidup, dalam konteks ini, berfungsi sebagai kompas yang mengarahkan pelajar untuk meneruskan pengajian mereka, walaupun berdepan dengan kesulitan atau cabaran dalam pembelajaran.

Nieuwoudt dan Pedler (2021) turut menegaskan bahawa tujuan hidup adalah faktor penting yang mempengaruhi keputusan pelajar untuk terus belajar atau berhenti. Penemuan kajian mereka juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dalam aspek tujuan hidup, di mana faktor ini memberikan kesan yang lebih ketara terhadap keputusan pelajar untuk kekal dalam sistem pendidikan atau menamatkan pengajian lebih awal. Ini mencadangkan bahawa pendekatan berbeza mungkin diperlukan untuk menangani isu keciciran berdasarkan jantina, memandangkan persepsi dan motivasi pelajar lelaki dan perempuan terhadap tujuan hidup mungkin berbeza.

Penemuan ini memberikan pandangan yang penting dalam konteks psikologi pendidikan, di mana elemen-elemen seperti tujuan hidup dan rasa kepunyaan bukan sahaja berfungsi sebagai pendorong dalaman tetapi juga sebagai faktor penentu dalam keputusan pelajar untuk kekal

dalam sistem pendidikan. Oleh itu, kajian-kajian lanjutan yang lebih mendalam diperlukan untuk memahami dengan lebih terperinci bagaimana tujuan hidup ini dibina dan bagaimana perasaan kepunyaan dapat ditingkatkan dalam kalangan pelajar, terutamanya dalam konteks tempatan seperti di Malaysia. Pendekatan ini mungkin dapat membantu merangka intervensi yang lebih berkesan untuk mengurangkan kadar keciciran dan memastikan pelajar kekal hingga tamat pengajian.

Efikasi Kendiri Akademik

Efikasi sendiri memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesejahteraan diri, pencapaian akademik, kepuasan hidup, dan keseronokan dalam kalangan pelajar sekolah. Menurut Bandura (1997), efikasi sendiri merujuk kepada keyakinan individu terhadap keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas tertentu dengan jayanya. Wee, Abdul Kadir, dan Jusoh (2020) mendapati bahawa terdapat hubungan positif antara efikasi sendiri dengan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar perakaunan, yang seterusnya menyumbang kepada pencapaian akademik yang lebih baik. Selain itu, kajian oleh Zainuddin dan Mydin Kutty (2021) menunjukkan bahawa efikasi sendiri dan motivasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar perempuan dalam jurusan STEM, yang turut mempengaruhi kepuasan hidup mereka. Di samping itu, kajian oleh Yahya, Masdar, dan Samat (2020) mendapati bahawa persepsi positif terhadap pembelajaran berasaskan masalah dan kemahiran berfikir aras tinggi meningkatkan efikasi sendiri dan keseronokan dalam pembelajaran, yang seterusnya meningkatkan kesejahteraan subjektif pelajar (Jafar, M.F & Hasan, S., 2016). Oleh itu, meningkatkan efikasi sendiri dalam kalangan pelajar adalah penting untuk memperkukuh kesejahteraan diri, pencapaian akademik, kepuasan hidup, dan keseronokan dalam proses pembelajaran.

Mujica et al. (2019) terhadap 2,741 orang pelajar mendedahkan bahawa efikasi sendiri merupakan salah satu faktor penting yang mempengaruhi niat pelajar untuk terus kekal atau berhenti daripada pengajian. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi cenderung untuk meneruskan pengajian mereka, manakala pelajar yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang rendah lebih berisiko untuk berhenti sekolah. Faktor-faktor seperti motivasi, kepuasan terhadap kursus, dan persepsi terhadap prestasi akademik juga turut mempengaruhi keputusan pelajar untuk kekal atau meninggalkan pendidikan, namun efikasi sendiri dilihat sebagai komponen yang paling signifikan dalam kajian ini.

Mayer dan Straub (2019) pula menekankan aspek komposisi jantina dalam bidang pengajian, mendapati bahawa wanita sering berada pada risiko tertinggi untuk berhenti daripada pengajian. Ini berkait rapat dengan stereotaip jantina yang meletakkan kecekapan wanita dalam mata pelajaran yang didominasi oleh lelaki dalam sudut pandang yang kritikal. Kesan stereotaip ini boleh merosakkan keyakinan diri pelajar wanita, menyebabkan mereka meragui keupayaan mereka sendiri, sekaligus meningkatkan niat untuk berhenti. Penemuan ini menyoroti betapa pentingnya menangani isu jantina dan persepsi efikasi sendiri dalam usaha mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan pelajar wanita, khususnya dalam bidang yang didominasi oleh lelaki.

Samuel dan Burger (2020) juga menekankan peranan efikasi sendiri dalam mengurangkan niat berhenti sekolah. Menurut kajian mereka, pelajar yang mengalami peristiwa kehidupan negatif, seperti masalah peribadi atau keluarga, lebih cenderung untuk berhenti sekolah. Walau bagaimanapun, pelajar dengan tahap efikasi sendiri yang tinggi lebih mampu mengatasi

cabaran tersebut dan meneruskan pengajian mereka. Ini menunjukkan bahawa efikasi sendiri bukan sahaja penting dalam konteks akademik tetapi juga dalam membantu pelajar mengatasi kesukaran hidup yang boleh menjejaskan motivasi mereka untuk belajar.

Namun begitu, kajian mengenai efikasi sendiri dan niat berhenti sekolah sering memberikan dapatan yang tidak konsisten. Roman et al. (2022) mencadangkan bahawa lebih banyak kajian perlu dilakukan untuk memahami secara lebih mendalam bagaimana efikasi sendiri mempengaruhi niat berhenti sekolah dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian Mayer dan Straub (2019) menunjukkan bahawa walaupun efikasi sendiri mempunyai pengaruh yang kuat terhadap keputusan untuk kekal atau berhenti sekolah, faktor demografi seperti jantina turut memainkan peranan penting dalam menentukan sejauh mana efikasi sendiri ini mempengaruhi pelajar.

Oleh itu, adalah jelas bahawa efikasi sendiri merupakan faktor yang kompleks dan pelbagai dimensi dalam menentukan niat pelajar untuk berhenti sekolah. Kajian lanjutan diperlukan untuk menyelidiki perbezaan demografi, termasuk faktor jantina, dalam memahami peranan efikasi sendiri. Di samping itu, kajian yang lebih terperinci diperlukan untuk memahami bagaimana intervensi yang berasaskan peningkatan efikasi sendiri boleh membantu mengurangkan kadar keciciran di kalangan pelajar sekolah.

Objektif Kajian

Dua objektif kajian dinyatakan dalam kajian ini iaitu;

1. Mengenal pasti tahap perbezaan skor min aspek minat, efikasi sendiri, tujuan hidup terhadap niat berhenti sekolah berdasarkan faktor jantina.
2. Menentukan sama ada minat, efikasi sendiri dan tujuan hidup merupakan peramal yang signifikan terhadap niat berhenti sekolah

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sepenuhnya. Justifikasi kepada penggunaan pendekatan kuantitatif sepenuhnya kerana penyelidik berpegang kepada paradigma positivisme yang mempercayai bahawa sesuatu perubahan sosial boleh diukur dan diberi nilai secara empirikal untuk dijelaskan (Weber, 2004; Hancock & Mueller, 2018 ; Zaslow, 2020). Malah, setiap persoalan dipercayai hanya mempunyai satu jawapan yang jelas. Kajian ini adalah kajian tinjauan (survey) jenis keratan rentas (cross sectional) iaitu pengumpulan maklumat hanya dilakukan pada satu masa tertentu sahaja (Creswell, 2011; Cohen & Manion, 2007; Creswell, 2007; Wiersma, 2000; Hussin et. al., 2021). Kaedah tinjauan merupakan kaedah yang bersesuaian untuk mendapatkan jawapan daripada responden kajian yang ramai.

Sampel kajian

Populasi kajian ini melibatkan pelajar tingkatan 4 dari beberapa buah sekolah menengah di daerah Baling, Kedah. Pemilihan sampel bagi kajian ini dilaksanakan mengikut teknik persampelan kelompok dan teknik persampelan rawak mudah. Jumlah keseluruhan sampel yang diperolehi melalui kaedah tersebut adalah seramai 389 responden. Maka, bilangan sampel ini adalah melebihi jumlah sampel minimum 321 yang diperlukan untuk mewakili keseluruhan pelajar tingkatan 4 di daerah Baling pada tahun 2023.

Instrumen Kajian

Empat instrumen yang telah diadaptasi telah digunakan, yaitu *General Self-Efficacy Scale (GSES)*, *Prospective Life Course Questionnaire (PLCQ)*, *Academic Motivation Scale (AMS)*, dan *Intention to Leave Instrument (ILI)*. GSES diadaptasi daripada kajian Jerusalem et. al., (2019) dan telah diubah suai untuk digunakan dalam konteks kajian pengaruh efikasi sendiri terhadap niat berhenti sekolah agar mengikut kesesuaian soalan kajian penyelidikan. Kajian ini menggunakan skala interval bermula dari nilai 1 (sangat tidak setuju) sehingga 6 (sangat setuju). PLCQ diadaptasi dari Jerusalem et. al., (2019). Soal selidik ini mengukur aspek tujuan hidup pelajar melalui dua komponen iaitu (a) matlamat hidup, dan (b) pandangan masadepan, yang mengandungi lapan belas item. Sebanyak sebelas item merujuk kepada komponen (a) matlamat hidup, dan (b) pandangan masadepan, yang mengandungi lapan belas item. PLCQ menggunakan skala interval bermula dari nilai 1 (tidak pernah) sehingga 7 (sangat kerap). AMS digunakan untuk mengukur aspek minat pelajar dalam pembelajaran. Soal selidik yang digunakan diadaptasi dari Seginer (2003). Kajian ini menggunakan skala interval bermula dari nilai 1 (sangat tidak setuju) sehingga 6 (sangat setuju). Seterusnya instrument keempat iaitu ILI mengukur aspek niat untuk berhenti sekolah. Soal selidik yang digunakan diadaptasi dari kajian Vallerand et. al., (1997).

Kesahan

Penyelidik menggunakan kaedah terjemahan berbalik atau *back to back translation* bagi menterjemahkan item-item dalam soal selidik asal yang berbahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu. *Back to back translation* bertujuan untuk memastikan instrumen yang digunakan berkualiti dan maksud yang telah diterjemah mempunyai maksud yang setara (Brislin, 1970; Tyupa, 2011).

Terdapat dua bentuk kesahan dijelaskan dalam kajian ini iaitu kesahan muka dan kesahan kandungan. bagi proses mendapatkan kesahan instrumen ini, penyelidik mendapatkan khidmat tujuh orang pakar berdasarkan kepakaran dalam bidang motivasi, kaunseling dan psikologi pendidikan yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah di IPTA. Jumlah bilangan pakar adalah seperti yang disyorkan oleh Lynn (1986) iaitu perlu mendapatkan persetujuan pakar antara tiga sehingga sepuluh orang. Pengesahan setiap pakar mengenai instrumen dinilai menerusi kaedah Content Validity Index (CVI) (Lynn, 1986; Smith et. al., 2004).

Bagi proses pra ujian, satu tinjauan terhadap 90 orang pelajar dari sekolah yang berbeza telah dijalankan. Berdasarkan nilai Cronbach Alpha, hasil ujian kebolehpercayaan instrumen ini menunjukkan nilai 0.80 iaitu menjelaskan bahawa kebolehpercayaan instrumen kajian ini adalah tinggi, boleh diterima dan amat baik digunapakai bagi kajian sebenar (Hair et. al., 2017).

Kajian rintis dijalankan sebelum kajian lapangan dengan tujuan untuk menentukan kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan (Hussin et. al., 2014). Sejumlah 90 orang responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan 4 dari sekolah yang berbeza dengan sampel yang dipilih di ketiga-tiga zon persampelan kajian. nilai kebolehpercayaan keseluruhan instrumen, setiap konstruk dan sub konstruk yang diperolehi masing-masing iaitu antara $\alpha=0.875$ hingga $\alpha=0.976$ menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi.

Kaedah Analisis Data

Data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan perisian IBM *Statistics* versi 25. Analisis yang dijalankan ialah analisis statistik inferensi dijalankan dengan menggunakan ujian

t-test sampel bebas dijalankan bagi menjawab soalan kajian 1, 2, 3 dan 4. Manakala analisis regresi berganda dilaksanakan bagi menjawab soalan kajian 5. Jadual 1 menjelaskan kaedah analisis data kajian yang digunakan.

Jadual 1
Kaedah Analisis Data Kajian

Bil	Soalan Kajian	Kaedah Analisis Kajian
1	Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam aspek minat terhadap pembelajaran berdasarkan faktor jantina?	Analisis inferensi: T-Test
2	Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam aspek efikasi sendiri terhadap pembelajaran berdasarkan faktor jantina?	Analisis inferensi: T-Test
3	Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam aspek tujuan hidup terhadap pembelajaran berdasarkan faktor jantina?	Analisis inferensi: T-Test
4	Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam aspek niat terhadap berhenti sekolah berdasarkan faktor jantina?	Analisis inferensi: T-Test
5	Adakah aspek minat, efikasi sendiri dan tujuan hidup menjadi peramal yang signifikan terhadap niat berhenti sekolah?	Analisis regresi Berganda

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini melaporkan dapatan analisis statistik inferensi iaitu perbezaan berdasarkan faktor jantina dalam aspek niat berhenti sekolah, efikasi sendiri, tujuan hidup, dan minat dalam pembelajaran. Ujian t sampel bebas dijalankan untuk mengetahui perbezaan aspek niat berhenti sekolah, efikasi sendiri, tujuan hidup, dan minat dalam pembelajaran berdasarkan faktor jantina.

Aspek Niat Berhenti Sekolah Berdasarkan Faktor Jantina

Berdasarkan dapatan analisis ujian t sampel bebas mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki ($M=2.04$) dan murid perempuan ($M=4.30$) dengan $t(306.1)=3.45$, $p = 0.011 < 0.05$. Keputusan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek niat berhenti sekolah di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Jadual 2
Analisis Ujian t sampel bebas dijalankan untuk mengetahui perbezaan aspek niat berhenti sekolah berdasarkan faktor jantina.

Group Statistics					
	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
Niat	1	170	2.0353	.99509	.07632
	2	216	2.2963	.99957	.06801

Ujian T- Sampel Bebas

		<i>Levene's Test for Equality of Variances</i>		<i>t-test for Equality of Means</i>						
		<i>F</i>	<i>Sig.</i>	<i>t</i>	<i>df</i>	<i>Sig 2- tailed)</i>	<i>Mean Difference</i>	<i>Std. Error Difference</i>	<i>95% Confidence Interval of the Difference</i>	
									<i>Lower</i>	<i>Upper</i>
<i>Niat</i>	<i>Equal variances assumed</i>	.330	.566	- 2.552	384	.011	-.26100	.10228	-.46210	-.05990
	<i>Equal variances not assumed</i>			- 2.553	363.70	.011	-.26100	.10223	-.46203	-.05997

Jadual 2 hasil kajian terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor jantina niat berhenti sekolah dalam kalangan pelajar telah dikenal pasti. Niat berhenti sekolah dalam kalangan pelajar perempuan ($M=4.30$) adalah lebih tinggi daripada pelajar lelaki ($M=2.04$). Hal ini berlaku kerana dipengaruhi oleh beberapa unsur seperti keperluan, tujuan hidup, minat, sosioekonomi, keluarga, pencapaian akademik yang berbeza antara lelaki dan perempuan (Alhadabi & Karpinski, 2019 ; Zakaria et. al, 2022 ; Othman, 2022 ; Nieuwoudt, 2021; Zava et. al., 2022).

Hal ini berlaku kerana perspektif, perkahwinan, mengandung dan tanggungjawab (Shahidul & Zehadul Karim, 2015). Selaras dengan teori ekologi Bronfenbrenner (1977), menekankan pengaruh pelbagai lapisan dalam kehidupan individu, termasuk mikrosistem (keluarga, sekolah), mesosistem (hubungan antara mikrosistem), dan makrosistem (budaya dan masyarakat) yang mempengaruhi perbezaan niat berhenti sekolah berdasarkan jantina. Kira perbezaan motivasi dan minat mengikut jantina (Abdul Pisal & Mat Teh, 2018).

Aspek Minat Dalam Pembelajaran Berdasarkan Faktor Jantina

Berdasarkan dapatan analisis ujian t sampel bebas mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki ($\min=4.50$, sisihan piawai=0.98) dan pelajar perempuan ($\min=4.17$, sisihan piawai=0.85), $t(384)=3.539$, $p=0.00<0.05$ bagi aspek minat dalam pembelajaran. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek minat pembelajaran pelajar berdasarkan jantina.

Jadual 3
Analisis Ujian t sampel bebas dijalankan untuk mengetahui perbezaan aspek minat dalam pembelajaran berdasarkan faktor jantina.

Kumpulan Statistik										
Jantina		N	Min		Std. Deviation					
Minat	1	170	4.5088		.98431					
	2	216	4.1782		.85423					
Ujian T-Sampel Bebas										
		Levene's Test for Equality of Variances				t-test for Equality of Means				
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tail ed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
										Lower Upper
Minat	Equal variances assumed	.661	.417	3.529	384	.000	.33058	.09369	.1463	.5147
	Equal variances not assumed			3.470	335.950	.001	.33058	.09528	.1431	.5179

Jadual 3 terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor jantina bagi aspek minat dalam pembelajaran telah dikenal pasti. Dapatan turut mendedahkan bahawa terdapat perbezaan nilai skor min adalah lebih tinggi bagi pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan.

Perbezaan ini berlaku kerana aspek minat ini dipengaruhi oleh unsur keperibadian seseorang untuk menyenangi sesuatu perkara. Isphording dan Qendrai (2019), mendedahkan bahawa perbezaan terhadap subjek yang diminat berdasarkan jantina mempengaruhi pelajar berhenti, pelajar perempuan. Ridgeway (2011), berpendapat bahawa keadaan sepatutnya lebih sukar bagi pelajar perempuan dalam mata pelajaran yang didominasi lelaki berbanding rakan lelaki

seperti kemahiran. Justeru itu, dapatan kajian ini memberi implikasi bahawa penting dalam merancang strategi pembelajaran yang lebih berkesan yang mengambil kira perbezaan motivasi dan minat mengikut jantina (Abdul Pisal & Mat Teh, 2018).

Aspek Efikasi Kendiri Berdasarkan Faktor Jantina

Berdasarkan dapatan analisis ujian t sampel bebas mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki (min=4.49, sisihan piawai=0.73) dan pelajar perempuan (min=4.36, sisihan piawai=0.55), $t(384)=3.573$, $p=0.00<0.05$ dalam aspek efikasi kendiri pelajar. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek efikasi kendiri pelajar berdasarkan jantina

Jadual 4
Analisis Ujian t sampel bebas dijalankan untuk mengetahui perbezaan aspek efikasi kendiri berdasarkan faktor jantina.

Kumpulan Statistik											
Jantina		N	Mean		Std. Deviation		Std. Error Mean				
Efikasi	1	170	4.4950		.73028		.05601				
	2	216	4.2619		.55113		.03750				
Ujian t-Sampel Bebas											
		Levene's Test for Equality of Variances				t-test for Equality of Means					
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference		
										Lower	Upper
Efikasi Kendiri	Equal variances assumed	7.471	.007	3.573	384	.000	.23305	.06523	.10480	.36131	
	Equal variances not assumed			3.458	306.121	.001	.23305	.06740	.10042	.36569	

Jadual 4 Hasil kajian ini menjelaskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek efikasi kendiri akademik pelajar berdasarkan factor jantina. Terdapat perbezaan nilai skor min yang lebih tinggi bagi pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan.

Ini selaras dengan kenyataan Teori Bandura (1977) berhubung efikasi sendiri di mana efikasi sendiri terbentuk melalui pengalaman penguasaan, pengalaman, pujukan sosial dan keadaan fisiologi serta rangsangan emosi. Jantina sebagai faktor biologi yang mempunyai perbezaan keadaan fisiologi dan rangsangan emosi mempengaruhi perbezaan terhadap penentuan efikasi sendiri individu Kajian Jaafar et. al. (2021), mendedahkan bahawa pelajar lelaki menunjukkan pandangan yang lebih positif terhadap pembelajaran perakaunan berasaskan permainan digital berbanding pelajar perempuan. Oleh itu, adalah penting dalam pembelajaran dan pengajaran untuk mengalkan perkembangan efikasi sendiri pelajar.

Aspek Tujuan Hidup Berdasarkan Faktor Jantina

Berdasarkan dapatan analisis ujian t sampel bebas mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki (min=4.78, sisihan piawai=0.66) dan pelajar perempuan (min=4.57, sisihan piawai=0.63), $t(384)=3.096$, $p=0.02<0.05$ dalam aspek tujuan hidup. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek tujuan hidup pelajar berdasarkan jantina.

Jadual 5
Analisis Ujian t sampel bebas dijalankan untuk mengetahui perbezaan aspek tujuan hidup berdasarkan faktor jantina

		<i>Kumpulan Statistik</i>				
	<i>Jantina</i>	<i>N</i>	<i>Mean</i>	<i>Std. Deviation</i>	<i>Std. Error Mean</i>	
<i>Tujuan</i>	<i>Lelaki</i>	170	4.7837	.66128	.05072	
	<i>Perempuan</i>	216	4.5797	.62745	.04269	

		<i>Ujian T-Sampel Bebas</i>								
		<i>Levene's Test for Equality of Variances</i>			<i>t-test for Equality of Means</i>					
		<i>F</i>	<i>Sig.</i>	<i>t</i>	<i>df</i>	<i>Sig. (2-tailed)</i>	<i>Mean Difference</i>	<i>Std. Error Difference</i>	<i>95% Confidence Interval of the Difference</i>	
									<i>Lower</i>	<i>Upper</i>
<i>Tujuan Hidup</i>	<i>Equal variances assumed</i>	.918	.339	3.095	384	.002	.20393	.06588	.07440	.33346
	<i>Equal variances not assumed</i>			3.076	353.744	.002	.20393	.06629	.07355	.33431

Jadual 5 Hasil kajian ini menjelaskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor jantina terhadap tujuan hidup pelajar telah dikenal pasti. Selaras dengan teori penentuan sendiri (SDT), menekankan bahawa kepentingan individu merasa selaras dan bersesuaian dengan nilai-nilai dan matlamat mereka. Perbezaan dalam kesesuaian diri antara lelaki dan perempuan mungkin membawa kepada penekanan yang berbeza dalam pemilihan dan pengejaran tujuan hidup. Oleh itu, penting bagi pendidikan dan pengajaran untuk memperhatikan dan mengadaptasi kaedah pengajaran, serta menyediakan persekitaran pembelajaran lingkungan yang mendorong kepada perancangan masa hadapan pelajar yang baik dan mempertimbangkan faktor perbezaan jantina pelajar.

Pengaruh Minat, Efikasi Kendiri Dan Tujuan Hidup Terhadap Niat Berhenti Sekolah

Berdasarkan hasil analisis statistik ujian regresi berganda menunjukkan nilai $R^2 = 0.22$, $p = 0.00 < 0.05$. Ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah-pemboleh ubah peramal secara signifikan menyumbang sebanyak 22% varians terhadap niat untuk berhenti sekolah. Dapatan menunjukkan bahawa aspek minat ($B = -0.4$, $p = 0.000$) adalah penyumbang yang paling kuat terhadap niat untuk berhenti sekolah diikuti oleh aspek tujuan hidup ($B = 0.37$, $p = 0.000$). Aspek efikasi tidak menyumbang secara signifikan ($B = 0.095$, $p = 0.198$). Maka, aspek minat dan tujuan hidup merupakan peramal yang signifikan terhadap niat berhenti sekolah manakala efikasi sendiri bukan peramal yang signifikan terhadap niat berhenti sekolah.

Jadual 6

Analisis Ujian regresi dijalankan untuk mengenalpasti faktor peramal terhadap niat berhenti sekolah berdasarkan aspek minat, efikasi kendiri dan tujuan hidup

Ringkasan Model

<i>Model</i>	<i>R</i>	<i>R Square</i>	<i>Adjusted R Square</i>	<i>Std. Error of the Estimate</i>
1	.469 ^a	.220	.213	.89108

ANOVA^a

<i>Model</i>		<i>Sum of Squares</i>	<i>df</i>	<i>Mean Square</i>	<i>F</i>	<i>Sig.</i>
1	<i>Regression</i>	85.322	3	28.441	35.818	.000 ^b
	<i>Residual</i>	303.317	382	.794		
	<i>Total</i>	388.639	385			

Koefisien

<i>Model</i>	<i>Unstandardize dCoefficients</i>	<i>Standardized Coefficients</i>	<i>t</i>	<i>Sig.</i>	<i>Collinearity Statistics</i>
--------------	------------------------------------	----------------------------------	----------	-------------	--------------------------------

		<i>B</i>	<i>Std. Error</i>	<i>Beta</i>			<i>Tolerance</i>	<i>VIF</i>
1	(Constant)	5.223	.444		11.762	.000		
	<i>Efikasi Kendiri</i>	.095	.073	.061	1.289	.198	.917	1.091
	<i>Minat</i>	-.401	.052	-.370	-7.678	.000	.880	1.136
	<i>Tujuan Hidup</i>	-.369	.071	-.238	-5.160	.000	.957	1.045

a. Pembolehubah Bersandar: Niat

Jadual 6 aspek minat merupakan pemyumbang yang paling kuat terhadap niat untuk berhenti sekolah ($B = -0.4$, $p = 000$) dan diikuti oleh aspek tujuan hidup ($B = 0.37$, $p = 000$). Manakala, aspek efikasi pula tidak menyumbang secara signifikan ($B=0.095$, $p = 0.198$) terhadap niat berhenti sekolah. Ini menunjukkan bahawa pemboleh minat dan tujuan hidup merupakan faktor peramal yang signifikan dan menyumbang sebanyak 22% varians terhadap niat untuk berhenti sekolah, sebaliknya aspek efikasi sendiri adalah bukan faktor peramal signifikan terhadap niat berhenti. Aspek minat menjadikan pelajar dengan senang hati melakukan sesuatu dan sentiasa berusaha meningkatkan kompetensi diri dalam menimba ilmu bagi memastikan peningkatan dalam aktiviti pembelajaran, perkembangan pembelajaran dan kejayaan yang ditetapkan pelajar (Zaenol et. al., 2021).

Aspek tujuan hidup juga memainkan peranan penting terhadap niat berhenti sekolah. Tujuan hidup merujuk kepada keadaan pelajar yang merasakan bahawa hidup mereka mempunyai makna, niat, dan berperanan penting terhadap matlamat serta keputusan terhadap sesuatu perkara dan keadaan termasuklah meneruskan persekolahan (Cohen, 2019 ; Ribeiro et al.,(2020). Aspek efikasi sendiri bukan faktor peramal terhadap niat berhenti sekolah dalam kalangan pelajar kerana merupakan efikasi sendiri merupakan faktor pendorong yang memerlukan sokongan aspek luar seperti minat,motivas, pencapaian dan tujuan hidup untuk mempengaruhi niat berhenti sekolah.

Kesimpulan Dan Cadangan

Pertama, hasil dapatan menunjukkan penggunaan aspek minat dan tujuan hidup sebagai pemboleh ubah peramal menyumbang 22% varians terhadap aspek niat berhenti sekolah. Justeru, mungkin terdapat peramal lain yang turut memberi kesan terhadap niat berhenti sekolah untuk dikaji bagi kajian akan datang. Dapatan kajian ini memberikan implikasi penting terhadap teori dan amalan dalam bidang pendidikan. Pertama, dapatan yang menunjukkan bahawa minat terhadap pembelajaran merupakan peramal paling signifikan (terhadap niat untuk berhenti sekolah menekankan peranan penting nilai intrinsik dalam teori motivasi pembelajaran, seperti Teori Jangkaan-Nilai. Menurut teori ini, minat pelajar terhadap sesuatu subjek meningkatkan penglibatan mereka dalam pembelajaran, yang seterusnya mengurangkan niat mereka untuk berhenti. Oleh itu, dapatan ini menyokong teori yang menyatakan bahawa motivasi intrinsik merupakan faktor utama dalam mengekalkan pelajar dalam sistem

pendidikan.

Dari sudut praktikal dalam bidang pendidikan, penekanan terhadap usaha meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran adalah penting. Guru dan pendidik perlu merangka strategi pengajaran yang mampu merangsang minat pelajar, seperti penggunaan pendekatan pembelajaran yang interaktif, relevan dengan kehidupan pelajar, serta lebih berfokuskan kepada pembelajaran berasaskan masalah atau kajian kes. Dengan meningkatkan minat pelajar, guru dapat membantu mengurangkan kadar keciciran pelajar.

Selain itu, dapatan bahawa tujuan hidup turut merupakan peramal signifikan menunjukkan kepentingan elemen jangka panjang dalam motivasi pelajar. Pelajar yang mempunyai matlamat hidup yang jelas dan merasakan bahawa pendidikan adalah cara untuk mencapai matlamat tersebut cenderung untuk terus bersekolah. Implikasi teori ini dapat dilihat dalam konteks Teori Sasaran, di mana pelajar yang berorientasikan matlamat lebih cenderung untuk bertahan dalam cabaran pendidikan. Oleh itu, bidang pendidikan perlu memberi tumpuan kepada membantu pelajar menetapkan matlamat jangka panjang yang relevan dengan pendidikan mereka.

Namun, dapatan yang menunjukkan efikasi sendiri bukan faktor signifikan membuka ruang untuk kajian lanjut dalam memahami peranan efikasi sendiri dalam pendidikan. Meskipun teori seperti Teori Sosial Kognitif menekankan pentingnya efikasi sendiri dalam pencapaian akademik, dapatan ini menunjukkan bahawa dalam konteks niat berhenti sekolah, efikasi sendiri mungkin memerlukan sokongan daripada faktor-faktor lain seperti minat dan tujuan hidup untuk memberi kesan yang lebih signifikan. Kedua, pendekatan bagi kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Kajian akan datang boleh menggabungkan pendekatan kualitatif untuk menangani jurang penyelidikan bagi melihat aspek yang dikaji dengan lebih mendalam. Ketiga, memandangkan kajian ini telah dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah. Maka, cadangan untuk kajian akan datang untuk mengenalpasti aspek-aspek lain yang boleh mempengaruhi niat berhenti sekolah dalam kalangan pelajar ini.

Penghargaan

Pasukan penyelidik merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Pusat Pengajian Pendidikan dan semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kajian ini.

Rujukan

- Atış Abdul Pısal, N., & Mat Teh, K. S. (2018). Perbezaan jantina dalam penggunaan strategi pembelajaran kemahiran berbahasa arab. (Gender differences in the use of strategies for arabic language learning). *Journal Of Nusantara Studies (Jonus)*, 3(1), 143. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol3iss1pp143-153>
- Alhadabi, A., & Karpinski, A. C. (2019). Grit, self-efficacy, achievement orientation goals, and academic performance in university students. *International Journal of Adolescence and Youth*, 25(1), 519–535. <https://doi.org/10.1080/02673843.2019.1679202>
- Bandura, A. (1997). Self-efficacy: the exercise of control. W H Freeman/Times Books/ Henry Holt & Co.
- Brislin, R. W. (1970). Back-translation for cross-cultural research. *Journal Of Cross-Cultural Psychology*, 1(3), 185-216.

- Bronfenbrenner, U. (1977). Toward an experimental ecology of human development. *American Psychologist*, 32(7), 513–531. <https://doi.org/10.1037/0003-066X.32.7.513>
- Cohen, L., Manion L., & Morrison, K. (2007). *Research methods in education* (6th Edition). Cooper, D.R. And Schindler, P.S. (2003). *Business research methods*. 8th Edition, McGraw-Hill Irwin, Boston.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing Among Five Approaches* (2nd Ed.).
- Creswell, J.W. & Plano Clark, V.L. (2011). *Designing and conducting mixed methods research*. 2nd Edition, Sage Publications, Los Angeles.
- Eccles, J. S., & Wigfield, A. (2020). *Motivation in education: Theory, research, and applications* (5th ed.). Pearson.
- Fan, X., & Cheung, S. (2023). Influence of learning interest on high school students' retention: A case study in STEM education. *Asia Pacific Journal of Education*, 43(1), 54-70.
- Hair, J.F., Hult, G.T.M., Ringle, C.M. And Sarstedt, M. (2017). *A primer on partial least squares structural equation modeling* (PLS-SEM). 2nd Edition, Sage Publications Inc., Thousand Oaks, CA.
- Hancock, G. R., & Mueller, R. O. (2018). *The reviewer's guide to quantitative methods in the social sciences* (2nd Ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315755649>
- Hasan, Z. (2021). Resilien akademik dalam kalangan murid b40. In *Journal Website: www.Jerisjournal.Com.E-ISSN 2682-759X. Journal Of Educational Research and Indigenous Studies*.
- Hidi, S., & Renninger, K. A. (2021). *The power of interest for motivation and engagement*. Routledge.
- Hussin, A., Yaacob, M. R., Si Harun, M., Jusoh, R., Md Yassin, Z. Binti, Zakaria, A., Yusoff, N., Liew, Y. F., Ibrahim, S., Zulkernain, F., Abdullah, J. B., Subramaniam, S., & Husien, M. (2021). Impak program kelayakan profesional pemimpin pendidikan kebangsaan (npqel 2.0) terhadap pemimpin sekolah. *Management Research Journal*, 10(Special Issue), 66–81. <https://doi.org/https://doi.org/10.37134/mrj.vol10.sp.6.2021>
- Hussin, F., Ali, J., & Zamzuri Noor, M. S. (2014). Keadah penyelidikan & analisis data spss (Edisi Pertama, P. 287). *UUM Press*.
- Hwang, Y., & Matsumoto, S. (2022). Interest in learning and its impact on long-term educational engagement: A cross-subject analysis. *Journal of Educational Psychology*, 114(2), 289-303.
- Isphording, I. E., & Qendrai, P. (2019). Research report series gender differences in student dropout in stem. *Iza Research Report No. 87*. <https://doi.org/10.5157/neps:sc5:9:0.0>
- Jerusalem, M., & Schwarzer, R. (1981). Questionnaire for measuring self-efficacy. scales for well- being and personality in r. schwarzer (Ed.). (Research Report No. 5). Berlin: Free University, Institute for Psychology.
- Jafar, M. F., & Hassan, S. (2016). Kajian penghargaan sendiri dan kepuasan hidup pelajar *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(2).
- Jafar, M. F., Yaakob, M. F. M., Awang, H., Zain, F. M., & Kasim, M. (2022). Disentangling the toing and froing of professional learning community implementation by reconnecting educational policy with school culture. *International Journal of Instruction*, 15(2), 307-328.
- Jafar, M. F., Yaakob, M. F. M., Mustapha, R., Aziz, M. N. A., Yusof, M. R., & Awang, H. (2021). Quality of Mentoring of Mentor Teachers: Perspective of the Trainee Teachers. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 10(2), 632-640.
- Jaafar, S., Zainal Abidin, N. F., Bakar, N. S., & Abdullah, Y. (2021). Perbezaan efikasi sendiri, inovasi personal (Pp. 2756–8938).

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Surat pekeliling ikhtisas kementerian pendidikan malaysia bilangan tahun 2018. Garis panduan mengurus murid berisiko cicir di sekolah. *KPM.100-1/7/2 Jld 5* (28).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Laporan Tahunan 2020 : Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pp. 1–104). Kementerian Pendidikan Malaysia. (Original Work Published 2020)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Laporan Tahunan 2020 : Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pp. 1–104). Kementerian Pendidikan Malaysia. (Original Work Published 2020)
- Lihua, W., & Yuanyue, G. (2021). Achievement goal orientation and academic procrastination of graduate students in research universities -- Mesomeric Effect Of Academic Self-Efficacy. *Graduate Education Research*, 3, 26– 34.
- Lynn M. R. (1986). Determination and quantification of content validity. *In Nursing Research* (Vol.35, Issue 6, Pp. 382–386).
- Nieuwoudt, J. E., & Pedler, M. L. (2021). *Student retention in higher education: why students choose to remain at university. Journal of college student retention: research, theory & practice*, 25(2), 326–349. <https://doi.org/10.1177/1521025120985228>
- Othman, N. (2021). Keciciran pelajar di peringkat pendidikan tinggi: punca dan penyelesaiannya (dropouts in higher education: causes and solutions) equity-based and non equity-based financing in islamic banks: Financial Crisis, Bank Efficiency And Stability View Project.
- Rabgay, T. (2022). Factors contributing to students' dropout in laya central school in bhutan. *Polaris Global Journal Of Scholarly Research And Trends*, 1–11.
- Ribeiro, C. C., Yassuda, M. S., & Neri, A. L. (2020). Purpose in life in adulthood and older adulthood: integrative review. *Ciência & Saúde Coletiva*, 25(6), 2127–2142. <https://doi.org/10.1590/1413-81232020256.20602018>
- Ridgeway (2011). Framed by gender: how gender inequality persists in the modern world. New York: Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/acprof:oso/9780199755776.001.0001>
- Ryan, R. M. Et Deci, E. L. (2017). Self-determination theory. Basic psychological needs in motivation, development and wellness. New York, NY : Guilford Press
- Santrock, J. W. (2018). A topical approach to life-span development (9th Ed.).Mcgraw-Hill Education.
- Shahidul, S. M., & Zehadul Karim, A. H. M. (2015). Factors contributing to school dropout among the girls: a review of literature. *European Journal of Research And Reflection In Educational Sciences*, 3, 26-36.
- Smith, A. J., Thurkettle, M. A., & Dela Cruz, F. A. (2004). Use of intuition by nursing students: instrument development and testing. *Journal Of Advanced Nursing*, 47(6), 614–622.
- Tyupa, S. (2011). A Theoretical Framework for Back-Translation As A Quality Assessment Tool. *New Voices In Translation Studies*, 7(1), 35–46.
- UNESCO. (2022). Gender report: deepening the debate on those still left behind. *Global Education Monitoring Report Team*. <https://doi.org/10.54676/rczb6329>
- Vallerand, R. J., Fortier, M. S., & Guay, F. (1997). self-determination and persistence in a real-life setting: toward a motivational model of high school dropout. *Journal Of Personality And Social Psychology*, 72, 1161– 1176.
- Weber, R. A. G. (2004). The rhetoric of positivism versus interpretivism:a personal view. *MIS Quarterly: Management Information Systems*, 28(1), Iii - Xii.

- Wee, G. L., Abdul Kadir, S., & Jusoh, R. (2020). The relationship between self-efficacy with higher order thinking skills (HOTS) among accounting students. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 10(11), 697–707
- Wiersma, W. (2000). *Research methods in education. An introduction.* (7th Edition). Boston: Allyn And Bacon.
- Wild, S., Rahn, S., & Meyer, T. (2023). The Relevance of Basic Psychological Needs And Subject Interest As Explanatory Variables For Student Dropout In Higher Education — A German Case Study Using The Example Of A Cooperative Education Program. *European Journal Of Psychology Of Education*. <https://doi.org/10.1007/s10212-022-00671-4>
- Yahya, M. S. S., Masdar, N. F., & Samat, N. (2020). Tahap persepsi, penilaian dan kompetensi Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan pelajar tingkatan enam di daerah Pontian. *Jurnal Perspektif*, 12(2), 29–41
- Zaenol Fajri, Hasan Bahrin, Chusnul Muali, Shofiatun, Lilik Farida & Yulis Wahyuningtiyas. (2021). Student's learning motivation and interest; the effectiveness of online learning during covid-19 pandemic. *Journal Of Physics: Conference Series*.
- Zainuddin, Z. A., & Mydin Kutty, F. (2021). Hubungan antara efikasi sendiri dan motivasi terhadap pencapaian akademik pelajar perempuan jurusan STEM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 180–190.
- Zakaria, N. A., Abd. Majid, M. Z., & Hussin, M. (2022). Keciciran murid sekolah di malaysia: suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1288>
- Zaslow, E. (2020). *Quantitative reasoning thinking in number.* Cambrige University Press.
- Zava, F., Barbaresi, M., Cattelino, E., & Vecchio, G. M. (2022). Academic aspirations and dropout intentions in the perspective of positive youth development: protective factors in adolescence. *Sustainability*, 14(18), 11591. <https://doi.org/10.3390/su141811591>
- Zhou, Y. (2023). A study on the influencing factors of postgraduate dropout intention—exploratory analysis based on grounded theory. *SHS Web Of Conferences*, 174, 01019. <https://doi.org/10.1051/shsconf/202317401019>